

Ibu tunggal OKU tabah jaga tiga anak

MORIB - Dilahirkan sem-purna anggota, tidak pernah terlintas di fikirannya akan bergelar orang kurang upaya (OKU) yang hidup dengan sebelah kaki selepas terlibat kejadian jalan raya.

Bagi ibu tunggal, Norhayaton Sarhan, 50, yang perlu menyerah tiga anaknya, dia terpaksa kuat dan tabah mengharungi dugaan dalam kehidupannya.

Menurutnya, sejak kemati-an suami, dia masih mampu menguruskan anak-anak dan membesarkan mereka walaupun dengan berkerusi roda.

"Saya dapat bantuan kanak-kanak RM300 sebulan. Duit itulah saya belanja untuk keluarga," katanya yang menerima kunjungan Ziarah Kasih bersama Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Biro Kebajikan Perniagaan Urmo Bahagian Kuala Langat ke tiga Dun di Kuala Langat, semalam.

Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Langat, Mohd Al Hafizi Abu Bakar berkata, dengan mengumpulkan 20 sukarelawan kebajikan Daerah Kuala Langat, 20 pesakit diziarihi.



Norhayaton terharu menerima kunjungan pelbagai pihak termasuk Sulaiman (kanan) dan Al Hafizi (kiri), semalam.

Menurutnya, semua sukarelawan kebajikan yang memberikan khidmat bantu di rumah melakukan kerja secara sukarela dengan memberikan jagaan dan perhatian kepada klien masing-masing.

"Setiap sukardawan akan ada tiga hingga empat klien di bawah kejadian masing-masing. Khidmat mereka ini sa-

ngat dipuji kerana keikhlasan menjaga klien sehingga me-ninggal dunia.

"Bagi saya, aktiviti ini amat menyentuh hati. Mereka yang benar-benar ikhlas dan dedikasi serta berjuwa kebajikan saha-

ja yang mampu melakukannya," katanya.

Mohd Al Hafizi berkata, JKM sentiasa siap siaga dalam apa juga keadaan bagi memastikan perkhidmatan Jabatan Sukarelawan Kebajikan berada di dalam masyarakat selain menjadi mata dari telen-jang jabatan.

Katanya, sukarelawan kebajikan akan menyampaikan maklumat masyarakat yang memerlukan khidmat JKM selain semringgu sekali turun ke Kawasan masing-masing untuk mendengar denyut nadi rakyat.

"Saya tengok dan rasa senang diri kepayahan pesakit di sam-ping sukarelawan berusaha membantu pesakit di rumah mereka," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli ber-kata, program itu memberi keinsafan kepada pemimpin dan memberi kegembiraan kepada yang diajarihi.

Beliau berkata, pihaknya berharap akan ada lebih ramai lagi sukarelawan yang peduli kepada kumpulan masyarakat kurang berhasrat baik.

"Saya tengok dan rasa senang diri kepayahan pesakit di sam-ping sukarelawan berusaha membantu pesakit di rumah mereka," katanya.

Api merebak dari stor

TANJUNG SEPAT - Sekeluarga terselamat apabila kedai komputer mereka terbakar dalam kejadian kira-kira jam 6.40 pagi semalam.

Mangsa, Wong Chiap Loong, 43, bersama isteri dan seorang anak lelaki berusia tujuh tahun yang terjaga daripada tidur di tingkat atas bangunan tersebut sempat menyelamatkan diri.

Menurutnya, dia perasan api mula merebak dari bahagian stor premisnya.

"Mujur kami selamat dan tiada ahli keluarga yang cedera," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba Banting, Mohd Jasliزاد贾士烈 berkata, pihaknya menerima panggilan telefon jam 6.56 pagi dan tiba di lokasi kira-kira 7.25 pagi.

Beliau berkata, seramai 15 anggota dari Balai Bomba Banting, Balai Bomba Sepang dan 20 anggota pasukan bomba sukarela Tanjung Sepat turut membantu.

"Hampir 85 peratus bangunan kedai dua tingkat itu musnah dan kebakaran berjaya dipadamkan seperuhnya kira-kira jam 7.36 pagi," katanya.

Mohd Jasliزاد贾士烈 berkata, punca kebakaran masih dalam siasatan.



Anggota bomba memadamkan kebakaran di sebuah premis kedai komputer di Tanjung Sepat, semalam.

Mohon doa tiada kejadian buruk

Fenomena air pasang besar mengejutkan, cetus keimbangan penduduk sekitar

KUALA LANGAT - Fenomena air pasang besar yang berlaku kelmarin, di beberapa kawasan berhampiran pantai di sini, mengejutkan pelbagai pihak termasuk pengguna laman sosial Facebook yang berkongsi maklumat kejadian itu.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pantai Morib dan Pantai Kelanang semalam mendapati, keadaan air laut masih sedikit bergelora dan tiada pengunjung dilihat mengadakan aktiviti di kawasan itu.

Bagaimanapun, kerja pem-bersihan tetap dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) pada awal pagi berikutnya pelbagai aktiviti hujung minggu dijangka dijalankan di kawasan pantai.

Menerusi Facebook Kuala Langat Community yang turut berkongsi air pasang besar sejak kelmarin walaupun kawasan termasuk di Empiran Istana Bahagia, Kampung Endah, dan Skudum balas ke-

Message from JPS

mlm ni d jangka air laut pang besar yg agt luar biasa mohon doa agar kita d jauhkan bala bencana. amilinn

JADUAL AIR PASANG DRPD JPS:
18HB SEPT 2016 ~ 5.6M
19HB SEPT 2016 ~ 5.5M
20HB SEPT 2016 ~ 5.5M
21HB SEPT 2016 ~ 5.2M

PENDUDUK DIMINTA SUPAYA BERWASPADA DAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN JIKA BERLAKU LAGI BANJIR AIR PASANG TINGGI SEPERTI YANG DIJANGKAKAN.

Pengguna aplikasi WhatsApp turut memuat turun gambar dan maklumat mengenai air pasang besar.

bimbangan dirasai pengguna laman sosial berkenaan.


Kejadian yang berlaku itu menyebabkan beberapa grup aplikasi WhatsApp turut memviralkan satu kenyataan memohon doa supaya tidak kejadian buruk berlaku.

Sementara itu, Yang Dipertua




Dpn Istana Pantai Bahagia.

Spg Kg Endah



Smlm g pntai laut bergelora

Gp ni pun ribut



Abesla karat bwh kete

Mohon laluun info terkini..sila panjangkn pringat kepada saudara sahabat kita yg berpotensi tuk

Viral berita air pasang besar di laman sosial Facebook.

Malis Dacrahl Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pengurusan dinasihatkan supaya berhati-hati sekiranya mengunjungi pantai berhampiran.

Menurutnya, bagi mengelakkan



Tinjauan air pasang besar di Pantai Morib, semalam.

kejadian tidak diingini berlaku, pengunjung dinasihatkan supaya tidak mandi di laut.

"Kita juga menerima maklumat daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang menjangkakan air laut pasang besar yang sangat luar biasa akan terjadi dan memohon doa agar kita dijauhkan daripada bencana."

"Jadual air pasang yang di-

maklumkan pihak JPS iaitu pada 18 September, 5.6 meter; 19 September, 5.5 meter; 20 September, 5.5 meter dan pada 21 September, 5.2 meter," katanya.

Sementara itu, Pegawai Balai Bomba Banting, Mohd Jasliزاد贾士烈 berkata, pihaknya sentiasa bersiaga berdepan dengan segala masalah dan bergerges menyalurkan bantuan jika menerima panggilan kecemasan.